


# Strategi Dagangan



# Forex



STRATEGY



# Strategi Dagangan Forex

**Editor: Harry Turner**

Finance Analyst at IFCMarkets

*This book is property of IFCMarkets Corp.  
Regulated Forex & CFD Broker since 2006.  
All Property Rights Reserved.*

Salah satu faktor yang memberikan kemenangan di dalam dagangan adalah portfolio strategi dagangan Forex yang digunakan oleh para pedagang di dalam situasi berbeza. Dengan mengikuti hanya satu sistem sepanjang masa, tidak mencukupi untuk pedagang yang berjaya. Setiap pedagang harus mengetahui bagaimana untuk menghadapi kesemua keadaan pasaran, yang semestinya tidak mudah dan memerlukan kefahaman yang mendalam di dalam ekonomi.

Bagi memenuhi keperluan pendidikan anda dan untuk membolehkan anda membuat portfolio strategi dagangan tersendiri, IFC Markets menyediakan sumber dagangan yang berwibawa dan maklumat kesemua strategi dagangan yang terkemuka dan mudah untuk diaplikasikan oleh seseorang pedagang.

Strategi dagangan yang dipaparkan bersesuaian untuk kesemua jenis pedagang sama ada mereka yang baru sahaja bermula di dalam dagangan atau mereka yang cuba untuk mengilapkan bakatnya. Kesemua strategi dinyatakan dan diterangkan di bawah untuk tujuan pendidikan dan boleh diaplikasikan oleh setiap pedagang di dalam kaedah yang berbeza.

## Strategi Dagangan Berasaskan Analisis Forex 5

### Strategi Analisis Teknikal Forex 6

Strategi Dagangan Trend Forex	7
Strategi Dagangan Support dan Resistance	8
Strategi Dagangan Range Forex	9
Petunjuk Teknikal di dalam Strategi Dagangan Forex	10
Strategi Dagangan Carta Forex	11
Strategi Dagangan Isi Padu Forex	12
Strategi Analisis Pelbagai Rangka Masa	13

### Strategi Dagangan Forex Berdasarkan pada Analisis Asas 14

### Strategi Dagangan Forex Berdasarkan pada Sentimen Pasaran 15

## Strategi Forex Berdasarkan pada Gaya Dagangan 16

### Strategi Dagangan Harian Forex 17

Strategi Forex Scalping	18
Strategi Dagangan Fading	19
Strategi Dagangan Daily Pivot	20
Strategi Dagangan Momentum	21

### Strategi Carry Trade 22

### Strategi Hedging Forex 23

### Strategi Dagangan Portfolio / Basket 24

### Strategi Beli dan Pegang 25

### Strategi Dagangan Spread / Pasangan 26

### Strategi Dagangan Swing 27

## Strategi Forex Berdasarkan pada Dagangan Jenis Pesanan 28

## Strategi Dagangan Algoritma 29



# Strategi Dagangan Berasaskan Analisis Forex

Kebanyakan strategi dagangan Forex adalah berdasarkan pada analisis pasaran Forex utama yang digunakan untuk memahami hala tuju pasaran. Kaedah analisis berikut merangkumi analisis teknikal, analisis asas dan sentimen pasaran.

Setiap daripada kaedah analisis yang dinyatakan di atas digunakan dengan kaedah tertentu untuk mengenal pasti trend pasaran dan membuat ramalan yang munasabah, terhadap tingkah laku pasaran pada masa akan datang. Di dalam analisis teknikal para pedagang beroperasi khususnya dengan carta dan alat teknikal yang pelbagai untuk memaparkan keadaan harga mata wang pada masa lepas, semasa dan akan datang, manakala di dalam analisis asas keutamaanya khusus pada makroekonomi dan faktor politik yang secara tidak langsung memberi kesan kepada pasaran pertukaran asing. Pendekatan berbeza pada trend pasaran boleh didapati dari sentimen pasaran, yang berdasarkan pada tingkah laku dan pendapat pedagang lain. Di bahagian bawah anda boleh dapatkan butiran lanjut setiap kaedah analisis.

## Strategi Analisis Teknikal Forex

Analisis teknikal Forex merupakan kajian tingkah laku pasaran melalui carta atas tujuan untuk meramal trend harga pada masa akan datang. Para pedagang Forex boleh membuat strategi berdasarkan pada pelbagai alat teknikal analisis merangkumi trend pasaran, isi padu, range, aras support dan resistance, corak carta dan petunjuk, serta menjalankan analisis pada pelbagai rangka masa carta.

Strategi analisis teknikal merupakan kaedah yang penting untuk menilai aset berdasarkan pada analisis dan statistik tingkah laku pasaran pada masa lepas, seperti harga dan isi padu pada masa lepas. Matlamat utama analisis teknikal, bukan mencari nilai semasa aset, tetapi cubaan untuk menggunakan carta atau mana-mana alat analisis teknikal untuk mengenal pasti corak yang boleh membantu meramal aktiviti pasaran pada masa akan datang. Analisis teknikal memegang prinsip prestasi pasaran pada masa akan datang boleh ditentukan berdasarkan pada sejarah prestasinya.



## Strategi Dagangan Trend Forex

Trend mewakili salah satu daripada konsep penting di dalam analisis teknikal. Kesemua alat analisis teknikal yang digunakan oleh penganalisis memiliki tujuan utama khas: membantu untuk mengenal pasti trend pasaran. Maksud trend Forex tidak berbeza daripada maksud umumnya - ia merupakan hala tuju dimana pasaran bergerak. Lebih tepat lagi, pasaran pertukaran asing tidak bergerak pada garisan lurus, pergerakkan bercirikan oleh siri zigzag yang memaparkan ombak/hayunan dengan puncak dan dasar yang jelas, yang juga dikenali sebagai kadar tetinggi dan terendah.




Seperti mana yang dinyatakan di atas, trend Forex terdiri daripada siri kadar tetinggi dan terendah, dan bergantung pada hala tuju puncak dan dasar seseorang mampu memahami jenis trend pada pasaran tertentu.



Kesilapan yang dilakukan oleh kebanyakan pedagangan, adalah mereka merasakan trend pasaran pertukaran asing hanya terdapat dua hala tuju sama ada menaik atau menurun, akan tetapi ia sebenarnya terdiri daripada tiga jenis trend:

- Trend Menaik
- Trend Menurun
- Trend Melintang



Pedagang dan pelabur menghadapi tiga jenis keputusan: kedudukan panjang, untuk membeli, kedudukan pendek untuk menjual atau tidak melibatkan diri. Ketika mana-mana jenis trend mereka harus membangunkan strategi dagangan tertentu.

*Strategi membeli bersesuaian ketika pasaran bertumbuh dan sebaliknya strategi menjual bersesuaian ketika pasaran menurun. Namun ketika pasaran bergerak secara melintang pilihan ketiga – untuk tidak melibatkan diri – merupakan keputusan yang terbaik.*

## Strategi Dagangan Support dan Resistance

Untuk memahami sepenuhnya strategi dagangan support dan resistance, anda perlu memahami terdahulu apa itu aras melintang. Ia merupakan aras harga yang menentukan sama ada support atau resistance di dalam pasaran. Support dan resistance di dalam analisis teknikal merupakan terma untuk harga terendah dan tertinggi masing-masing. Terma support menandakan kawasan pada carta dimana kehendak membeli lebih tinggi dan mengatasi tekanan penjualan. Ia kebiasaanya ditandakan oleh dasar sebelum ini. Aras Resistance, bertentangan daripada aras support, dimana ia memaparkan kawasan pada carta dimana kehendak menjual yang mengatasi tekanan pembelian. Ia kebiasaanya diwakili oleh pucak terdahulu.



Untuk membangunkan strategi support dan resistance anda harus memahami bagaimana trend dikenal pasti melalui aras melintang. Oleh yang demikian, untuk trend menaik untuk berterusan, setiap aras support harus lebih tinggi daripada sebelumnya, dan setiap aras resistance juga harus lebih tinggi daripada sebelumnya.

Di dalam situasi keadaan yang dinyatakan tidak selari, contohnya, aras support lebih rendah daripada sebelumnya, ia berkemungkinan menandakan trend menaik menghampiri penghujungnya atau ia menandakan permulaan trend melintang. Ia berkemungkinan pembalikan trend berlaku daripada menaik kepada menurun. Contoh situasi bertentangan berlaku di dalam trend menurun; kegagalan setiap aras support untuk bergerak lebih rendah daripada sebelumnya juga menjadi isyarat perubahan di dalam trend semasa.

Konsep disebalik dagangan support dan resistance adalah sama - membeli sekuriti jika meramal ia akan bertumbuh pada harga dan menjual ketika meramal harga akan jatuh. Oleh yang demikian, ketika harga jatuh ke aras support, pedagang memutuskan untuk membeli dan secara tidak langsung membuat permintaan dan memandu harga bertumbuh. Dengan cara yang sama, ketika harga menaik ke aras resistance, pedagang memutuskan untuk menjual, secara tidak langsung ia membuatkan tekanan menurun dan memandu harga ke bawah.

## Strategi Dagangan Range Forex

Strategi dagangan Range, yang juga dikenali sebagai dagangan channel, kebiasaanya berkait dengan kekurangan hala tuju pasaran dan ia digunakan ketika ketiadaan trend. Dagangan Range mengejalon pasti hala tuju harga mata wang di dalam channels dan tugas utama strategi berikut adalah mengenal pasti jaraknya. Proses berikut boleh dilaksanakan dengan menyambungkan siri kadar tertinggi dan terendah dengan menggunakan garisan trendline melintang. Dengan kata lain, pedagang harus mencari aras support dan resistance utama dengan kawasan diantaranya yang dikenali sebagai "jarak dagangan".



Di dalam dagangan range ia amat mudah untuk mengenal pasti kawasan untuk mengambil keuntungan. Anda boleh membeli pada support dan menjual pada resistance selain sekuriti/aset tidak mengatasi channel. Jika hala tuju pepecahan tidak selari dengan kedudukan anda, ia berkemungkinan menyebabkan anda menhadapi kerugian yang besar.

Dagangan Range berkesan di dalam pasaran dengan kadar kestabilan yang mencukupi oleh kerana harga bergerak di dalam channel tanpa menembusi jaraknya. Di dalam situasi aras support atau resistance ditembusi anda harus menutup kedudukan yang berdasarkan pada jaraknya. Kaedah tersebut untuk menguruskan risiko di dalam dagangan range, adalah dengan menggunakan arahan/pesanan henti kerugian seperti mana yang dilakukan oleh kebanyakan pedagang. Mereka meletakkan pesanan sell limit dibawah resistance ketika menjual jaraknya dan menetapkan arahan ambil keuntungan berhampiran dengan aras support. Ketika membeli support, mereka meletakkan pesanan buy limit di atas aras support dan meletakkan arahan ambil keuntungan berhampiran aras resistance. Dan risiko boleh diuruskan dengan meletakkan arahan henti kerugian di atas aras resistance zon jaraknya, dan di bawah aras support ketika membeli.

## Petunjuk Teknikal di dalam Strategi Dagangan Forex

Petunjuk teknikal merupakan kiraan yang berdasarkan pada harga dan isi padu aset. Ia digunakan untuk mengesahkan trend dan kualiti corak carta, serta untuk membantu pedagang mengenal pasti isyarat beli dan jual. Petunjuk berikut boleh diguna pakai secara berasingan untuk membentuk isyarat beli dan jual, serta ia boleh digunakan bersama-sama dengan corak carta dan pergerakan harga.

*Petunjuk analisis teknikal boleh membentuk isyarat beli dan jual melalui persilangan dan divergence moving average. Persilangan dicerminkan ketika harga bergerak melalui moving average atau ketika dua moving average berbeza bersilang antara satu sama lain. Divergence berlaku ketika trend harga dan petunjuk trend bergerak pada hala tuju yang berbeza, yang menandakan hala tuju harga trend semakin lemah.*

Mereka boleh dilaksanakan berasingan untuk membentuk isyarat beli dan jual, serta boleh digunakan bersama-sama dengan pasaran. Walau bagaimanapun, bukan kesemuanya digunakan oleh pedagang. Petunjuk yang disenaraikan di bawah merupakan yang terpenting di dalam analisis dan salah satu daripadanya digunakan oleh setiap pedagang untuk membangunkan strategi dagangan-nya:

- ▶ Moving Average
- ▶ Bollinger Bands
- ▶ Relative Strength Index (RSI)
- ▶ Stochastic Oscillator
- ▶ Moving Average Convergence/Divergence (MACD)
- ▶ ADX
- ▶ Momentum

Anda boleh mempelajari bagaimana untuk menggunakan setiap petunjuk dan bagunkan strategi dagangan dengan petunjuk.

## Strategi Dagangan Carta Forex

Di dalam analisis teknikal Forex, carta merupakan pewakilan grafik hala tuju harga di dalam rangka masa tertentu. Ia boleh memaparkan hala tuju harga aset di dalam tempoh sebulan atau setahun. Bergantung pada maklumat yang dicari oleh pedagang dan skil apa yang dimilikinya, mereka boleh menggunakan jenis carta tertentu: carta bar, carta garisan, carta candlestick dan carta titik dan raja-h.

Selain itu, mereka boleh membangunkan strategi dagangan tertentu menggunakan corak carta terkemuka seperti berikut:

- ▶ Tiga Segi
- ▶ Bendera
- ▶ Panji
- ▶ Baji
- ▶ Corak Segi Empat
- ▶ Corak Kepala dan Bahu
- ▶ Dua Puncak dan Dua Dasar
- ▶ Tiga Puncak dan Tiga Dasar

Anda boleh pelajari bagaimana untuk menggunakan carta dan membangunkan strategi dagangan berdasarkan pada corak carta.

## Strategi Dagagan Isi Padu Forex

Isi padu memaparkan bilangan aset yang didagangkan di dalam tempoh masa tertentu. Isi padu tinggi menandakan darjah intensiti atau tekanan yang tinggi. Ia merupakan salah satu faktor penting di dalam dagangan, ia kebiasaanya dianalisis dan diramal oleh mereka yang berdagang berdasarkan pada carta. Untung mengenali pasti hala tuju isi padu menaik atau menurun, mereka melihat pada isi padu dagangan histograms, yang kebiasaanya diletakkan di bawah carta. Mana-mana hala tuju harga lebih ketara jika selaras dengan isi padu yang tinggi berbanding dengan isi padu yang rendah.

*Dengan melihat pada trend dan isi padu, pedagang teknikal menggunakan dua alat berbeza untuk mengenal pasti tekanan. Jika harga trend menaik, ia semestinya jelas ia memiliki tekanan beli lebih banyak daripada jual. Jika isi padu mula menurun ketika trend menaik, ia memberi isyarat trend menaik menghampiri penghujungnya.*

Seperti mana yang dinyatakan oleh penganalisis Forex Huzeifa Hamid "volume/isi padu merupakan gas di dalam tanki mesin dagangan". Walaupun kebanyakkan pedagang lebih memilih untuk menumpukan pada carta teknikal dan petunjuk untuk membuat keputusan dagangan, isi padu juga diperlukan untuk mengerakkan pasaran. Walau bagaimanapun, tidak kesemua jenis isi padu memberi kesan pada dagangan, hanya isi padu bilangan besar wang yang didagangkan di dalam hari yang sama memberi kesan ketara di dalam pasaran.



## Strategi Analisis Pelbagai Rangka Masa

*Dengan menggunakan Analisis Pelbagai Rangka Masa ia membolehkan anda memantau harga aset tertentu di dalam rangka masa yang berbeza.*

Oleh kerana harga aset bergerak melalui pelbagai rangka masa, amat berguna untuk pedagangan menganalisis pelbagai rangka masa dan mengenal pasti "kitaran dagangan/trading circle" aset berikut. Melalui Analisis Pelbagai Rangka Masa/Multiple Time Frame Analysis (MTFA) anda boleh mengenal pasti trend yang berskala kecil dan besar serta mengenal pasti trend keseluruhan pasaran. Keseluruhan proses MTFA bermula dengan mengenal pasti hala tuju pasaran sebenar pada tempoh masa yang lebih panjang (panjang, singkat atau sederhana) dan lakukan analisis melalui tempoh masa yang lebih singkat bermula daripada carta 5-minit.

Pedagang berpengalaman Corey Rosenbloom percaya bahawa di dalam analisis pelbagai rangka masa, carta bulanan, mingguan dan harian harus digunakan untuk menilai bila trend bergerak pada hala tuju yang sama. Walau bagaimanapun, ia berkemungkinan menimbulkan masalah, oleh kerana setiap rangka masa tidak selalunya selari antara satu sama lain dan jenis trend yang berbeza berlaku di dalam rangka masa yang berbeza. Berdasarkan Corey Rosenbloom, analisis di dalam tempoh masa singkat memberikan maklumat yang lebih banyak.



## Strategi Dagangan Forex Berdasarkan pada Analisis Asas

Seperti mana anda sudah sedia maklum bahawa analisis teknikal khusus pada kajuan dan prestasi tingkah laku pasaran, manakala analisis asas Forex menumpukan pada faktor asas yang memberi impak pada hala tuju pasaran.

Dasar analisis asas Forex adalah petunjuk makroekonomi seperti kadar pertumbuhan ekonomi, kadar faedah dan pengangguran, inflasi, atau isu politik penting boleh memberi impak pada pasaran kewangan dan oleh yang demikian ia boleh digunakan untuk membuat keputusan dagangan.

*Pedagang Teknikal tidak merasakan perlunya untuk mengetahui sebab pasaran berubah, namun pedagang asas cuba untuk memahami "kenapa". Mereka mengkaji data makroekonomi negara tertentu atau negara berbeza untuk meramal tingkah laku mata wang negara tertentu pada masa akan datang.*

*Berdasarkan pada peristiwa tertentu atau pengiraan, mereka membuat keputusan untuk membeli mata wang dan mengharapkan pada masa akan datang ia akan menaik di dalam nilai dan mereka mampu menjualnya pada harga yang lebih tinggi atau sebaliknya mereka menjual mata wang untuk membelynanya kembali pada harga yang lebih rendah.*

Sebab penganalisis asas menggunakan rangka masa yang panjang kerana: data yang dikaji oleh mereka dijana lebih perlahan berbanding data harga dan isi padu yang digunakan oleh penganalisis teknikal.

## Strategi Dagangan Forex Berdasarkan pada Sentimen Pasaran

Sentimen pasaran ditentukan oleh tingkah laku pelabur terhadap pasaran kewangan atau sekuriti tertentu. Dasar sentimen pasaran adalah apa yang dirasakan oleh pedagang lain dan bagaimana ia membuatkan mereka bertindak pada pasaran Forex.

Kepentingan memahami pendapat pedagang lain pada topik tertentu tidak boleh diabaikan. Untuk sebarang tujuan analisis sentimen mampu memberikan gambaran yang berguna dan membantu untuk membuat keputusan yang benar.

Setiap pedagang memiliki pendapat tersendiri mengenai hala tuju pasaran, dan idea mereka yang mencerminkan secara terus transaksi mereka, yang membantu membentuk keseluruhan sentimen pasaran.

Pasaran secara khasnya merupakan rangkaian yang kompleks, yang terdiri daripada sebilangan besar individu dimana kedudukannya mewakili sentimen pasaran. Walau bagaimanapun, anda sahaja tidak mampu menyebabkan pasaran berubah mengikut kehendak anda; sebagai pedagang anda memiliki pendapat tersendiri dan andaian daripada pasaran, akan tetapi jika anda merasakan Euro akan menaik tetapi pedagang lain tidak merasakan begitu, anda tidak mampu melakukan apa-apa terhadapnya.

*Tuntasnya, sentimen pasaran dianggap bullish jika pelabur meramal hala tuju menaik, manakala jika pelabur meramal harganya akan jatuh, sentimen pasaran dikatakan bearish. Strategi mengikuti sentimen pasaran Forex berkhidmat sebagai kaedah yang baik untuk meramal hala tuju pasaran dan amat penting bagi pedagang yang berdagang bertentangan, yang bermatlamat untuk berdagag bertentangan daripada sentimen pasaran. Oleh yang demikian, jika sentimen pasaran memaparkan bullish (kesemua pedagang membeli), manakala pedagang bertentangan akan menjual.*

# Strategi Forex Berdasarkan pada Gaya Dagangan

Strategi dagangan Forex boleh dibentuk dengan mengikuti gaya dagangan terkemuka seperti dagangan harian(day trading), carry trade, strategi beli dan pegang, hedging, dagangan portfolio, dagangan spread, dagangan swing, dagangan pesanan dan dagangan algoritma.


Menggunakan dan membangunkan strategi dagangan bergantung sepenuhnya pada kekuatan dan kelemahan anda. Untuk berjaya di dalam dagangan anda perlu mengenal pasti kaedah dagangan yang bersesuaian dengan personaliti anda. Dagangan tidak memiliki kaedah sebenar yang tetap; kaedah yang benar untuk pedagang lain tidak semestinya bersesuaian untuk anda. Di bawah anda boleh dapati setiap gaya dagangan dan kenali gaya anda sendiri.

### Strategi Dagangan Harian Forex

*Strategi dagangan harian, bermakna membeli dan menjual aset pada hari yang sama, ini bermakna, pedagang tidak boleh memegang mana-mana kedudukan sehingga ke hari seterusnya.*

Strategi dagangan harian merangkumi scalping, fading, daily pivots dan dagangan momentum. Jika anda melakukan dagangan harian anda boleh melakukan beberapa dagangan di dalam sehari akan tetapi harus menutup kedudukan sebelum pasaran ditutup.

Faktor penting yang harus diingati di dalam dagangan harian adalah, lebih lama anda memegang kedudukan, lebih tinggi risiko kemungkinan kerugian. Bergantung pada gaya dagangan yang dipilih, sasaran harga mungkin berbeza. Di bahagian bawah anda boleh lihat strategi dagangan harian yang paling kerap digunakan.



## Strategi Forex Scalping

Forex scalping merupakan strategi dagangan harian yang berasaskan transaksi pendek dan pantas, serta ia juga digunakan untuk menghasilkan keuntungan yang banyak pada perubahan harga yang kecil. Pedagang jenis ini dikenali sebagai scalpers, mereka boleh mencapai hampir 200 dagangan di dalam sehari, dan memiliki pegangan perubahan harga kecil lebih mudah untuk diikuti berbanding perubahan besar.

**Objektif utama strategi berikut adalah untuk membeli/menjual satu aset pada harga bidaan/diminta dan dalam waktu yang singkat menjual/membeli pada harga lebih tinggi/rendah untuk menghasilkan keuntungan.**



Terdapat beberapa faktor penting di dalam Forex scalping. Antaranya adalah kecairan, kestabilan, rangka masa dan pengurusan risiko. Kecairan pasaran mempengaruhi bagaimana pedagang melakukan scalping. Sebahagian daripada pedagang lebih gemar berdagang di dalam pasaran yang tinggi tahap kecairannya, oleh kerana lebih mudah untuk mereka masuk dan keluar kedudukan yang besar, manakala sebahagian pedagang lebih gemar dagangan di dalam pasaran kurang tahap kecairan yang memiliki spread bidaan-diminta yang besar.

Merujuk kepada kestabilan, scalper lebih gemar produk yang stabil, oleh kerana mereka tidak perlu kuatir mengenai perubahan harga mendadak. Jika harga aset stabil, scalpers boleh menghasilkan keuntungan walaupun dengan menetapkan pesanan pada bidaan dan diminta yang sama, serta melakukan beratus dagangan. Rangka masa di dalam strategi scalping, kebiasaan singkat dan pedagang cuba untuk mendapatkan keuntungan daripada perubahan pasaran yang kecil yang kadang-kadang sukar untuk dilihat walaupun di carta satu minit.

Bersama-sama membuat beratus keuntungan kecil dalam sehari, scalpers pada masa yang sama menanggung beratus kerugian kecil. Oleh dengan itu, mereka harus membangunkan pengurusan risiko yang tegas untuk mengelakkan kerugian yang tidak dijangka.

## Strategi Dagangan Fading

*Fading di dalam terma dagangan forex bermakna berdagang bertentangan dengan trend. Jika trend menaik, pedagang fading akan menjual dengan harapan harga akan menurun dan kaedah yang sama akan membeli ketika harga menurun. Dengan kata lain, strategi berikut mencadangkan menjual aset ketika harga menurun dan membeli ketika harga menurun, atau sebagai "fading".*

Ia juga dikenali sebagai strategi dagangan harian bertentangan yang digunakan untuk berdagang bertentangan daripada trend semasa. Tidak seperti jenis dagangan lain, yang bermatlamat untuk mengikuti trend semasa, dimana dagangan fading mermelukan seorang pedagang mengambil kedudukan bertentangan daripada trend utama.

Andaian utama strategi fading adalah berdasarkan:

- ▶ Sekuriti overbought
- ▶ Pembeli awal bersedia untuk mengambil keuntungan
- ▶ Pembeli semasa berkemungkinan berada di dalam risiko



Walau bagaimanapun "Fading pasaran" boleh menjadi amat risiko dan memerlukan toleransi risiko yang besar, tetapi amat menguntungkan. Untuk menggunakan strategi Fading dua pesanan had/limit order boleh ditetapkan pada harga tertentu- pesanan buy limit harus ditetapkan di bawah harga semasa dan pesanan sell limit harus ditetapkan di atasnya.

Strategi Fading amat berisiko oleh kerana berdagang bertentangan daripada trend pasaran semasa. Pada masa yang sama, ia amat menguntungkan - pedagang fade boleh membuat keuntungan daripada mana-mana pembalikkan harga oleh kerana selepas kenaikan atau penurunan mendadak mata wang, ia diandaikan akan memaparkan pembalikkan. Dengan itu, jika digunakan dengan betul, strategi fading boleh menjadi amat menguntungkan. Pengikut strategi berikut dianggap sebagai mereka yang sanggup menghadapi risiko dan mengikuti peraturan pengurusan risiko serta cuba untuk keluar daripada setiap dagangan dengan keuntungan.

## Strategi Dagangan Daily Pivot

Dagangan Pivot bermatlamat untuk menjana keuntungan daripada ketabilan harian mata wang. Asasnya, titik pivot didefinisikan sebagai titik pembalikkan. Ia dianggap sebagai petunjuk teknikal yang diperolehi hasil daripada kiraan purata kadar tertinggi, terendah dan harga penutupan pasangan mata wang.

*Konsep utama strategi berikut adalah untuk membeli pada harga terendah dan menjual pada harga tertinggi hari berikut.*

Pada pertengahan tahun 1990, seorang pedagang dan penganalisis profesional Thomas Aspray menerbitkan aras pivot mingguan dan harian untuk pasaran tunai forex kepada pelanggannya. Seperti yang dinyatakan oleh beliau, pada masa berikut aras pivot mingguna tidak tersedia di dalam program analisis teknikal dan formulanya juga tidak digunakan secara meluas.

Namun pada tahun 2004 buku yang diterbikan oleh John Person, "Complete Guide to Technical Trading Tactics: How to Profit Using Pivot Points, Candlesticks & Other Indicators" mededahkan bahawa titik pivot telah digunakan untuk lebih daripada 20 tahun lepas sebelum itu. Pada tahun terbaru ia lebih mengejutkan untuk Thomas selepas menemui rahsia analisis titik pivot sukuan, hasil daripada John Person.

Pada waktu ini formula asas mengira titik pivot tersedia dan digunakan secara meluas. Tambahan pula, kalkulator titik pivot boleh didapati di Internet.

Untuk sesi dagangan semasa, titik pivot dikira seperti berikut:

$$P = (H + L + C)/3$$

$$\text{Titik Pivot} = (\text{Kadar Tertinggi sebelum ini} + \text{Kadar Terendah sebelum ini} + \text{Kadar Penutupan sebelum ini}) / 3$$

Asas pivot harian adalah untuk mengenal pasti aras support dan resistance pada carta serta mengenal pasti titik kemasukan dan pengeluaran. Ia boleh dilaksanakan dengan formula berikut:

$$R1 = (P \times 2) - L$$

$$S1 = (P \times 2) - H$$

$$R2 = P + (H - L) = P + (R1 - S1)$$

$$S2 = P - (H - L) = P - (R1 - S1)$$

dimana:

P - Titik Pivot

L - Kadar Terendah Sebelum ini

H - Kadar Tertinggi Sebelum ini

R1 - Aras Resistance 1

S1 - Aras Support 1

R2 - Aras Resistance 2

S2 - Aras Support 2

## Strategi Dagangan Momentum

*Dagangan Momentum adalah berdasarkan pada pencarian sekuriti terkukuh yang berkemungkinan tinggi untuk didagangkan lebih tinggi. Ia berdasarkan pada konsep trend semasa berkenaan untuk berterusan berbanding melakukan pembalikkan.*

*Pedagang yang mengikuti strategi berikut berkemungkinan untuk membeli mata yang telah memaparkan trend menaik dan menjual mata wang yang telah memaparkan trend menurun. Oleh yang demikian, tidak seperti pedagang daily pivots, yang membeli pada kadar terendah dan menjual pada kadar tertinggi, pedagang momentum membeli pada kadar tinggi dan menjual pada kadar yang lebih tinggi.*

Pedagang Momentum menggunakan petunjuk teknikal yang berbeza seperti, MACD, RSI, momentum oscillator untuk menentukan hala tuju harga mata wang dan memutuskan kedudukan apa yang harus dibuka. Mereka juga mengambil kira berita dan isi padu berta untuk membuat keputusan dagangan. Dagangan Momentum memerlukan langganan ke perkhidmatan berita dan memantau amaran harga untuk terus menerus mendapatkan keuntungan.

Menurut penganalisis kewangan terkemuka Larry Light, strategi momentum boleh membantu pelabur mengatasi pasaran dan mengelakkan kejatuhan jika bersama-sama mengikuti trend, yang hanya menumpukan pada saham yang bertumbuh.

nd-following, which focuses only on stocks that are gaining.



## Strategi Carry Trade

*Carry trade adalah strategi dimana pedagang meminjam mata wang di negara dengan kadar faedah yang rendah, dan menafsirkannya kepada mata wang negara dengan kadar faedah yang tinggi dan melaburkannya di sekuriti dengan hutang gred tinggi negara berikut. Pelabur yang mengikuti strategi berikut meminjam duit pada kadar faedah terendah atas tujuan untuk melabur di dalam sekuriti yang dijangkakan akan memberikan pulangan tertinggi.*

Carry trade membolehkan untuk menghasilkan keuntungan daripada paasaran tidak stabil dan stabil, oleh kerana ia bergantung pada perbezaan diantara kadar faedah mata wang; lebih tinggi perbezaannya, lebih tinggi keuntungannya. Ketika mengenal pasti mata wang untuk didagangkan dengan strategi berikut anda perlu mengambil kira ramalan perubahan di dalam kadar faedah mata wang tertentu.

*Dasarnya mudah- beli mata wang yang diramal kadar faedahnya akan menaik dan menjual mata wang dengan kadar faedah diramal akan menurun.*

Walau bagaimanapun, ia tidak bermaksud perubahan harga diantara mata wang tidak penting. Tamsilnya, anda melabur pada mata wang kerana kadar faedahnya tinggi, tetapi harganya menurun dan anda menutup kedudukan, anda akan dapati anda memperolehi keuntungan daripada kadar faedah tetapi anda masih di dalam kerugian kerana perbezaan di dalam harga beli/jual. Oleh yang demikian, carry trade lebih bersesuaian untuk pasaran tiada trend atau trend melintang, ketika pergerakkan harga diandaikan akan berkekalan untuk tempoh tertentu.



## Strategi Hedging Forex

Hedging umumnya difahami sebagai strategi untuk melindung pelabur daripada berlakunya peristiwa yang berkemungkinan menyebabkan kerugian tertentu.

Idea disebalik hedging mata wang adalah untuk membeli mata wang dan menjual yang lain, dengan harapan kerugian pada dagangan akan dimansuhkan dengan keuntungan yang dihasilkan daripada dagangan lain. Strategi berikut lebih berkesan jika mata wang memiliki hubung kait secara negatif.

*Dengan itu, anda harus membeli sekuriti kedua selain daripada sekuriti yang dimiliki, untuk hedge jika bergerak di dalam hala tuju yang tidak diingini. Strategi berikut, tidak seperti kebanyakan strategi dagangan yang dibincangkan sebelum ini, ia tidak digunakan untuk menghasilkan keuntungan; ia lebih mengkhususkan untuk mengurangkan risiko dan ketidak tentuan.*

ia dianggap sejenis strategi dengan tujuan utama untuk mengurangkan risiko dan meningkatkan kemungkinan keuntungan.

Sebagai contoh, kita lihat pada beberapa pasangan mata wang dan cuba strategi hedge. Andaikan pada rangka masa tertentu Dolar AS amat kukuh, dan sebahagian pasangan mata wang yang mengandungi USD memaparkan nilai yang berbeza. GBP/USD menurun sebanyak 0.60%, JPY/USD menurun sebanyak 0.75% dan EUR/USD menurun sebanyak 0.30%. Dengan itu terbaik jika kita mengambil pasangan EUR/USD yang menurun paling sedikit secara tidak langsung ia memaparkan jika hala tuju pasaran berubah, ia akan bergerak lebih tinggi berbanding pasangan lain.

Selepas membeli pasangan EUR/USD kita perlu memilih pasangan mata wang yang boleh bertindak sebagai hedge. Sekali lagi kita harus lihat pada nilai mata wang dan pilih yang memaparkan kelemahan perbandingan tertinggi. Di dalam contoh kita ia adalah JPY, dengan itu, EUR/JPY merupakan pilihan yang terbaik. Oleh yang demikian kita boleh hedge dagangan dengan membeli EUR/USD dan menjual EUR/JPY.

Harus diingati, didalam hedging mata wang, pengurangan risiko sentiasa bermakna pengurangan pada keuntungan juga, oleh yang demikian strategi hedging tidak menjamin keuntungan yang besar, ia lebih sebagai jaminan pelaburan anda dan membantu anda mengelakkan kerugian atau sekurang-kurangnya mengurangkannya. Walau bagaimanapun, jika dibangunkan dengan betul, strategi hedging mata wang boleh menghasilkan keuntungan pada kedua-dua dagangan.

## Strategi Dagangan Portfolio / Basket

Dagangan Portfolio, yang juga dikenali sebagai dagangan sekumpulan/basket, adalah berdasarkan pada gabungan aset berbeza yang berasal daripada pasaran kewangan yang berbeza (Forex, saham, niaga hadapan dan lain-lain).

Konsep dagangan portfolio adalah mempelbagaikan, untuk mengurangkan risiko. Dengan mengetahui pasti aset secara bijak, pedagang mampu melindungi daripada ketidakstabilan pasaran, mengurangkan risiko dan mengekalkan baki keuntungan.

Amat penting untuk membuat portfolio yang pelbagai untuk mencapai matlamat dagangan. Jika tidak, strategi berikut tidak berkesan.

*Anda harus mengabungkan portfolio dengan sekuriti seperti berikut (mata wang, saham, komoditi, indeks) yang tidak berkait secara tegas, yang bermaksud pulangan mereka tidak bergerak naik dan turun secara serentak yang sempurna. Dengan mencapurkan pelbagai aset di dalam portfolio anda yang berkait secara negatif, dengan harga satu sekuriti menaik dan yang lain menurun, anda boleh mengekalkan baki portfolio, secara tidak langsung mengekalkan keuntungan anda dan mengurangkan risiko.*

Kini IFC Markets menawarkan penciptaan dan dagangan Alatan Komposit Peribadi (PCI) yang berdasarkan pada Kaedah GeWorko, yang menjadikan lebih mudah untuk melakukan dagangan portfolio. Teknologi berikut membolehkan untuk membuat portfolio bermula dengan dua aset sehingga 10 alatan kewangan berbeza, buka kedudukan panjang dan pendek, melihat sejarah harga aset sehingga 40 tahun lepas. Selain itu, dengan PCI, anda boleh gunakan alat analisis pasaran, gunakan pelbagai strategi dan berterusan mengoptimumkan dan mengimbangi portfolio pelaburan anda. Dengan kata lain, Kaedah GeWorko merupakan penyelesaian yang membolehkan anda membangunkan dan mengaplikasikan strategi yang bersesuaian dengan kehendak anda.

## Strategi Beli dan Pegang

*Strategi Beli dan pegang merupakan sejenis pelaburan dan dagangan, dimana pelabur membeli dan memegang kedudukan untuk tempoh masa yang lama.*

Pedagang yang menggunakan strategi beli dan pegang pelaburan, kebiasaanya tidak berminat di dalam pergerakan harga jangka pendek dan petunjuk teknikal. Umumnya, strategi berikut lebih digunakan untuk pedagang saham; walau bagaimanapun sesetengah pedagang Forex turut menggunakan, yang dikenali sebagai kaedah pelaburan pasif. Kebiasaanya mereka bergantung pada analisis asas berbanding carta dan petunjuk teknikal. Akan tetapi ia bergantung kepada pedagang bagaimana untuk mengaplikasikan strategi berikut.



Pelabur pasif akan melihat pada faktor asas, seperti inflasi dan kadar pengangguran negara dimana mata wangnya dilaburkan, atau akan bergantung pada analisis syarikat yang dimiliki saham, dengan mengambil kira strategi pertumbuhan syarikat, kualiti produknya dan lain-lain.

Untuk pelabur aktif ia lebih berkesan untuk menggunakan analisis teknikal atau ukuran matematik lain untuk menetukan sama ada membeli atau menjual.

## Strategi Dagangan Spread / Pasangan

Dagangan Pasangan (dagangan Spread) adalah pembelian dan penjualan dua alatan kewangan yang berkait antara satusama lan pada masa yang sama. Perbezaan perubahan harga dua alatan menghasilkan keuntungan dan kerugian.

Dengan strategi berikut pedagang membuka dua kedudukan yang bersamaan dan pada arah yang berbeza yang boleh memansuhkan satu sama lain untuk mengekalkan baki dagangan.

Dagangan Spread terdiri daripada dua jenis: spread intra-market dan inter-commodity. Di dalam jenis pertama, pedagang boleh membuka kedudukan panjang dan pendek pada aset tertentu yang didagangkan di dalam bentuk berbeza (sebagai contoh di dalam pasaran spot dan niaga hadapan) dan pada bursa yang berbeza, manakala jenis kedua, mereka membuka kedudukan panjang dan pendek pada aset berbeza yang berkait antara satu sama lain seperti emas dan perak.

Di dalam dagangan spread amat penting untuk melihat bagaimana sekuriti berkait antara satu sama lain dan bukan untuk meramal hala tuju pasaran. Amat penting untuk mencari alatan dagangan yang berkaitan dengan jurang harga yang ketara untuk mengekalkan baki positif diantara risiko dan



## Strategi Dagangan Swing

Dagangan Swing merupakan strategi dimana pedagang memegang aset untuk tempoh satu atau beberapa hari atas tujuan untuk menghasilkan keuntungan daripada perubahan harga atau dikenali sebagai "swings".

Kedudukan dagangan swing kebiasanya dipegang lebih lama berbanding kedudukan dagangan harian dan lebih singkat berbanding kedudukan dagangan beli dan pegang, yang boleh dipegang sehingga setahun.

Pedagang Swing menggunakan set yang berasaskan peraturan matematik untuk mengelakkan aspek emosi di dalam dagangan dan membuat analisis yang intensif. Mereka boleh membuat sistem dagangan dengan menggunakan analisis teknikal dan asas untuk mengenal pasti titik pembelian dan penjualan. Jika di dalam sesetengah strategi, trend pasaran tidak begitu penting, namun di dalam dagangan swing ia merupakan faktor pertama yang harus diambil kira.



Pengikut strategi berikut berdagang di dalam trend utama carta dan memegang pada konsep "Trend adalah kawan anda". Jika mata wang di dalam trend menaik, pedagang swing akan membuka kedudukan panjang, iaitu beli. Tetapi jika mata wang di dalam trend menurun, mereka menjual mata wang berikut. Kebiasaan trend tidak jelas ia merupakan trend melintang, bukan bullish dan bukan bearish. Di dalam situasi berikut harga mata wang bergerak di dalam corak yang tidak tentu diantara aras support dan resistance. Peluang dagangan swing di sini akan menjadi membuka kedudukan panjang berhampiran aras support dan membuka kedudukan pendek berhampiran aras resistance.

# Strategi Forex Berdasarkan pada Dagangan Jenis Pesanan

Pesanan dagangan membantu pedagang memasuki dan menutup kedudukan pada keadaan yang terbaik pada waktu berikut, pesanan/arahan merangkumi pesanan pasaran, pesanan tertunggak, pesanan had, pesanan henti, arahan henti kerugiana dan pesanan OCO.

Pada era globalisasi ini, platform dagangan maju membekalkan pelbagai jenis pesanan di dalam dagangan bukan sahaja "butang beli" dan "butang jual". Setiap jenis pesanan dagangan boleh mewakili strategi tertentu. Amat penting untuk mengenali bila dan bagaimana untuk berdagangan dan pesanan mana harus digunakan pada situasi tertentu untuk membangunkan strategi dagangan yang benar.

Pesanan/arahan Forex yang terkemuka yang boleh digunakan oleh pedagangan didalam dagangan:

- ▶ Pesanan Pasaran - pesanan pasaran diletakkan untuk mnegarahkan pedagangan membeli atau menjual pada harga terbaik yang tersedia. Ruang muka kemasukan pesanan pasaran kebiasanya memiliki hanya pilihan "beli" dan "jual" yang menjadikannya pantas dan mudah untuk digunakan.
- ▶ Pesanan Tertunggak – pesanan tertunggak kebiasanya terdapat enam jeni yang membolehkan pedagang membeli atau menjual sekuriti pada harga yang ditetapkan terdahulu. Pesanan tertunggak orders-buy limit, sell limit, buy stop, sell stop, buy stop limit dan sell stop limit- diletakkan untuk melaksanakan dagangan andai harga mencapai aras tertentu.
- ▶ Pesanan Had- Pesanan had mengarahkan pedagang untuk membeli atau menjual aset pada harga tertentu. Ini bermakna pedagang harus menetapkan harga beli dan jual yang dikehendaki. Pesanan buy limit mengarahkannya untuk membeli pada harga yang ditetapkan atau lebih rendah. Dan pesanan sell limit mengarahkan untuk menjual pada harga tertenu atau lebih tinggi. Andainya harga mencapai harga yang ditetapkan, pesanan had akan dilaksanakan.
- ▶ Pesanan Henti - pesanan sell stop atau buy stop dilaksanakan selepas aras harga yang ditetapkan telah dicapai. Pesanan buy stop diletakkan diatas pasaran dan pesanan sell stop diletakkan di bawah pasaran.
- ▶ Arahan Henti Kerugian - arahan henti kerugian ditetapkan untuk menghadkan risiko dagangan. Ia diletakkan pada aras harga tertentu dimana pedagang tidak mahu atau tidak bersedia untuk merisikokan wangnya. Untuk kedudukan panjang, anda haru menetapkan henti kerugian di bawah titik kemasukkan yang akan melindungi anda daripada kejatuhan pasaran. Manakala, untuk kedudukan pendeka, pesanan diletakkan di atas titik kemasukkan untuk melindungi daripada petumbuhan pasaran.
- ▶ OCO – OCO (one-cancels-the-other/ satu membatalkan yang lain) mewakili gabungan dua pesanan tertunggak yang diletakkan untuk membuka kedudukan pada harga yang berbeza daripada harga pasaran semasa. Jika salah satu daripadanya dilaksanakan yang lain akan dibatalkan secara automatik.

# Strategi Dagangan Algoritma

Dagnagan Algoritma, yang juga dikenali sebagai dagangan Forex automatik, merupakan salah satu kaedah dagangan yang berdasarkan pada program komputer yang membantu untuk mengenal pasti sama ada untuk membeli atau menjual pasangan mata wang pada rangka masa tertentu. Program komputer berikut beroperasi dengan isyarat yang diperolehi daripada analisis teknikal. Pedagang membuat program dagangan mereka dengan mengarahkan perisian mencari isyarat tertentu dan milainya.

Platform bertaraf tinggi kebiasanya menyediakan platform tambahan yang memberikan peluang untuk menjalankan dagangan algoritma. Tamsilnya, NetTradeX dan MetaTrader 4.

Plaform dagangan NetTradeX selain daripada fungsi utamanya, ia juga menawarkan dagangan automatik dengan menggunakan NetTradeX Advisors. Ia merupakan platform kedua yang menyumbang untuk melakukan dagangan automatik dan meningkatkan fungsi utama platform dengan bahasa pengaturcaraan NTL+ (bahasa pengaturcaraan NetTradeX). Platform kedua juga membolehkan melakukan operasi dagangan asas di dalam mod "manual", seperti membuka dan menutup kedudukan, meletakkan pesanan dan menggunakan alat teknikal analisis.

Platform dagangan MetaTrader 4 juga menawarkan peluang untuk melaksanakan dagangan algoritma melalui bahasa pengaturcaraan MQL4 bersepada. Di dalam platform berikut pedagang boleh membuat robot dagangan automatik, yang dikenali sebagai Advisor, dan petunjuk mereka sendiri. Kesemua fungsi untuk membuat advisors, termasuk debugging, menguji, mengoptimumkan dilaksanakan di MT4 Meta-Editor.

Strategi dagangan Forex berdasarkan robot dan program dibangunkan khas untuk mengelakkan faktor emosi dagangan, oleh kerana faktor psikologi mampu menghalang seseorang berdagang secara berpatutan dan kebiasanya memberi impak negatif pada dagangan.



Follow us:



[www.ifcmarkets.com](http://www.ifcmarkets.com)